

13/09/1998

Mahkamah akan bukti kebenaran: Dr M (HL)

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kebenaran mengenai segala tuduhan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim akan menjadi kenyataan apabila pelbagai perkara didedahkan di mahkamah.

Perdana Menteri yakin selepas itu mereka yang menyokong Anwar ketika ini mungkin percaya semua tuduhan terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Ditanya mengenai masih ada segelintir pemimpin Umno yang menunjukkan sokongan kepada Anwar, beliau berkata ini ialah kerana mereka masih tidak percaya penjelasan yang diberikan mengenai Anwar.

"Kita akan lihat kerana setakat ini mereka masih tidak percaya tentang apa yang kita telah kata. Tetapi apabila diadakan perbicaraan maka perkara-perkara (mengenainya) akan didedah dan mungkin pada ketika itu mereka lebih percaya," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas melawat kawasan khas untuk penaja Sukan Komanwel Ke-XVI di Stadium Nasional Bukit Jalil di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata kerajaan dan Umno tidak akan mengambil sesuatu tindakan melainkan dengan bukti yang cukup. Umno setakat ini tidak mempunyai rancangan untuk mengambil tindakan terhadap mereka.

"Tapi tentulah ia mempunyai kesan terhadap mereka ini apabila kita membuat penilaian mengenai kesetiaan mereka kepada Umno," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata Majlis Tertinggi Umno (MT) secara sebulat suara menyokong pemecatan Anwar walaupun ada antara anggotanya yang dikenali sebagai penyokong Anwar.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai keputusan Anwar menjelajah negara bagi menjelaskan kedudukannya di samping memulakan apa yang didakwa beliau sebagai gerakan reformasi.

"Kalau ada kekacauan kita akan ambil tindakan tetapi kalau ia berjalan secara aman, kita tidak akan mengambil tindakan," katanya.

Mengenai tindakan Anwar menggunakan masjid untuk menjelaskan kedudukannya, Dr Mahathir berkata ketika berada dalam kerajaan, Anwar sendiri menentang penggunaan masjid untuk tujuan politik.

Menurutnya, jelas sekali bahawa Anwar bukan bertindak mengikut prinsip tetapi semata-mata untuk merebut peluang.

"Bila dia berada dalam kerajaan, dia hendak supaya peluang itu tidak dapat kepada orang lain ... tetapi bila dia berada di luar kerajaan, dia hendakkan peluang itu. Jadi dia ni oportunist," katanya.

Dr Mahathir berkata: "Datuk Seri Anwar sepatutnya undur diri tetapi dia hendak suruh kita pecat dia, dan bila kita pecat dia, dia kata ini adalah satu ketidakadilan," katanya. Dr Mahathir juga berkata Datuk Ahmad Zahid Hamidi sepatutnya berundur daripada jawatan Ketua Pemuda Pergerakan Pemuda Umno.

"Dia sepatutnya berundur tetapi dia tidak mahu berbuat demikian sebaliknya menyalahkan mereka yang menyuruhnya meletakkan jawatan," katanya apabila ditanya mengenai kenyataan Zahid yang mahukan kedudukannya sebagai Ketua Pemuda ditentukan MT.

"Dia tahu kalau serah kepada MT, kemungkinannya dia dipecat ... jadi dia hendak guna itu sebagai alasan untuk menyalahkan MT. Strategi dia sama dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim," kata Dr Mahathir.

Kebanyakan pemimpin Pemuda Umno mahu Zahid meletakkan jawatan kerana berpihak kepada Anwar yang dipecat kerana dikatakan terbabit dalam kegiatan tidak bermoral, rasuah dan mengkhianati negara.

(END)